

اوتوسن جوروراوت

Utusan Jururawat

Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan

EDISI PERTAMA JUN 2011

اللهم اجعله واجهة لوجهك وبركانه

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Mutiara Kata



Hj Abdul Rani Bin Hj Mohd Yusof
Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallalahu 'Alaihi Wasalam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita merafakkan tanda syukur ke hadarat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufiq, hidayah serta limpah kurnia-Nya juga, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan berjaya menerbitkan majalah bulanan kejururawatan dan perbidanan "UTUSAN JURURAWAT" sebagai media pemberitahuan mengenai dengan aktiviti aktiviti kejururawatan yang telah dilaksanakan atau yang akan diungkayahkan. Diharap dengan penerbitan UTUSAN JURURAWAT akan menyatukan semua peringkat jururawat dan bidan di Negara ini tanpa melihat latar belakang pendidikan, pengalaman, bangsa maupun kepercayaan.

Oleh yang demikian, di seru kepada semua peringkat jururawat dan bidan termasuk mereka yang sedang belajar supaya akan dapat menyukong dan menggunakan UTUSAN JURURAWAT sebagai platform untuk menyampaikan maklumat atau perkara perkara yang berkaitan dengan isu-isu kejururawatan dan perbidanan termasuklah penemuan hasil kaji selidik yang dijalankan. Ahli jawatankuasa penerbitan mengalu-alukan kakitangan jururawat dan bidan yang berbakat dalam bidang penulisan, penerbitan atau pun fotografi untuk menggunakan UTUSAN JURURAWAT sebagai media untuk menyalurkan hasil karya mereka. Apa jua teguran mahu pun pandangan "Constructive Opinion" bagi membina lagi isi kandungan UTUSAN JURURAWAT pada pengeluaran masa akan datang adalah sangat-sangat diharapkan.

Adalah jua diharapkan UTUSAN JURURAWAT ini, Insyallah akan mengukuhkan perpaduan dan bukan sebaliknya. Sehubungan dengan ini, pihak Perkhidmatan Kejururawatan mengucapkan Syabas kepada mereka yang terlibat dalam penerbitan UTUSAN JURURAWAT bagi pengeluaran sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2011. Di atas kecemerlangan khidmat bakti, luangan masa dan wang ringgit yang disumbangkan dalam penerbitan UTUSAN JURURAWAT ini adalah dihargai dan ucapan ribuan terima kasih. Semoga semuanya direhui dan di berkat oleh Allah Subhanahu Wata'ala juga. Amin Ya Rabbal' Alamin.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penerbitan Majalah Utusan Jururawat

Sabtu, 4 Jun 2011 - Mesyuarat penerbitan Utusan Jururawat telah diadakan di Bilik Gerakan, Tingkat 2, Kementerian Kesihatan dipengerusikan oleh Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Awg Hj Abdul Rani Bin Hj Mohd Yusof, dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Awam, ahli-ahli media, publisiti dan fotografi Perkhidmatan Kejururawatan. Antara agenda yang dibincangkan termasuk penerbitan Utusan Jururawat, mengemaskini website kejururawatan dengan usahasama bersama media cetak kerajaan dan swasta.

Penerbitan " Utusan Jururawat"

Penasihat
Haji Abdul Rani bin Haji Mohd Yusof
Hajah Fatimah binti Abdullah
Hajah Junita binti Haji Abdul Momin
Haji Abdul Rahim bin Haji Damit

Ketua Pengarang & Penyunting
Enih Khairunisa binti Yusop

Ahli-ahli Sidang Pengarang & Penyunting
Haji Rosli bin Ma'aruf
Tieng Boon Wei
Lim Poh Chuan
Hajah Norzihan binti Haji Ibrahim

Media, Publisiti dan Fotografi
Haji Hajizul bin Haji Hassan
Suriyati anak Kalman
Ardina binti Alias
Alimonawar bin Haji Besar



Isi Kandungan

- Unit Haematologi, Jabatan Perubatan Dalaman
- Jururawat dan Bidan yang baru Berkhidmat
- Peperiksaan Kenaikan Pangkat Jururawat Kanan
- Sembahyang Berjemaah sempena Hari Jururawat & Bidan Antarabangsa
- Acara Walkaton, Basikalton dan Wheelaton sempena hari Jururawat & Bidan Antarabangsa
- Mesyuarat bersama Ahli-ahli Majlis Ilmu Simposium Kejururawatan
- Sambutan Hari Jururawat di Hospital P.I.H.M Temburong
- 20 Hours Breastfeeding Course
- Bahagian Perhubungan Awam
- Pandang-pandang dan dengar-dengar

Unit Hematologi, Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital R.I.P.A.S

Unit Hematologi mula dibuka pada 3hb April 2010. Terletak di tingkat dua Bangunan Klinik Pakar ianya merupakan unit di bawah Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital RIPAS. Diantara perkhidmatan yang dikendalikan ialah “Day Care”, Klinik Haemonevic dan “In-Patient”.

1.Perkhidmatan “Day Care”

Perkhidmatan ini khusus untuk memantau dan merawat pesakit-pesakit “General Haematology” dan “Haematology-Oncology” seperti pesakit Thalassemia, Lukeamia, Heamophilia dan lain-lain khasnya yang berkaitan dengan masalah darah. Perkhidmatan rawatan di “Day Care” adalah khusus dengan penambahan (transfusion) bagi semua jenis komponen darah, “Iron chelating therapy”, “Chemotherapy”, “Anticoagulation Management therapy”, “Management of Bleeding Disorder”, termasuklah “Investigation and Procedure” seperti “Bone Marrow Aspiration” “Lumber puncture” - (Intrathecal Chemotherapy)



2.Perkhidmatan Klinik

“General Haematology”
“Haematology Oncology”
“Anticoagulation Management therapy”,



3.Perkhidmatan “In-patient”

“Daily Ward Round”
“In-patient Chemotherapy”
“Breaking News For Newly Diagnosed”
“Care of Venous Access Device”

4..Perkhidmatan “Haemonetic”

“Platelet Apheresis”, “Leucopheresis”
“Therapeutic Plasma Exchange (TPE)”

Waktu perkhidmatan mengikut waktu pejabat (Office Hour) dan juga bertugas secara panggilan (On call duty)



Jururawat & Bidan yang baru berkhidmat di Kementerian Kesihatan



Rabu, 1 Jun 2011-Seramai 63 orang jururawat yang baru telah melapor diri dan mula berkhidmat di bawah Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah 63 orang, seramai 33 orang jururawat baru tersebut telah di tugaskan di Hospital Ripas (7 orang di Unit Sajikal, 7 orang di Unit Perubatan dalaman, 3 orang di unit perawatan rapi, 9 orang di unit paediatric, 2 orang di Unit Kesihatan Mental dan 4 orang di tempatkan di Unit Kecemasan). Manakala, 10 orang jururawat di tugaskan di Hospital SSB, 10 orang di Hospital PIHM, 2 orang di Hospital DPMM , 3 orang di bahagian Kemasyarakatan dan 7 orang di Pusat Buah pinggang. Sementara itu seramai 14 orang Bidan yang telah menamatkan kursus di Institute Of Health Sciences (U.B.D) juga telah melapor diri untuk bertugas di bawah Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan.

Peperiksaan Kenaikan Pangkat Ke Jururawat Kanan



Jumaat, 8 April 2011-Seramai 200 orang jururawat telah menghadiri peperiksaan kenaikan pangkat ke jururawat kanan bagi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan bertempat di dewan U.N.I.S.S.A, Gadong, Brunei Darussalam

ACARA DAN AKTIVITI KEJURURAWATAN

Sembahyang berjemaah sempena Hari Jururawat & Bidan Antarabangsa 2011



Selasa, 10 Mei 2011 – Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan telah mengadakan majlis sembahyang berjemaah Fardhu Maghrib, Isyak, bacaan Surah Yassin, Tahlil dan doa kesyukraan sempena Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2011 di Masjid Mohammed Bolkiah, Tutong. Hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan Bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, Menteri Kesihatan.

Acara Walkaton, Basikalton & Wheelaton sempena Hari Jururawat & Bidan Antarabangsa 2011



Ahad, 29 Mei 2011 - Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan telah mengadakan acara Walkaton, Basikalton dan Wheelaton Sempena Hari Jururawat dan bidan Antarabangsa 2011. Hadir sebagai tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan Bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof, Menteri Kesihatan.

Mesyuarat Majlis Ilmu Simposium Kejururawatan sempena Hari Jururawat & Bidan Antarabangsa 2011

Rabu, 8 Jun 2011-Seramai 30 orang ahli-ahli jawatankuasa kerja Majlis Ilmu Simposium Kejururawatan telah menghadiri mesyuarat yang telah di pengrusikan oleh Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan Yang mulia Awg Hj Abd Rani Bin Hj Mohd Yusof. Antara agenda yang dibincangkan ialah termasuk persediaan-persediaan mengenai tempat acara yang akan berlangsung, susunan aturcara majlis dan juga persediaan menyambut penceramah-penceramah jemputan yang akan datang dari luar negara.

Sambutan Hari Jururawat & Bidan Antarabangsa 2011 Hospital P.I.H.M Temburong.



Jumaat 24 Jun 2011 - Bahagian Perkhidmatan Kejururawatan Hospital P.I.H.M Temburong telah mengadakan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2011. Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Haji Abdul Rani Bin Haji Mohd Yusof. Acara kemuncak pada hari tersebut ialah Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderahati yang dianugerahkan kepada jururawat-jururawat berjasa dan cemerlang sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan jasa sepanjang kerjaya mereka selama ini.

Kursus Penyusuan Susu Ibu

Sabtu, 11 Jun 2011M - Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Bahagian Perkhidmatan Kejururawatan dengan kerjasama Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah menganjurkan kursus “20 Hours Breast Feeding Course” bertempat di salah sebuah bilik kuliah Hospital RIPAS. Seramai 27 orang peserta kursus yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Jururawat dan Bidan dimestikan menghadiri kursus tersebut pada setiap hari Sabtu dan berakhir pada 25 jun 2011. Tujuan kursus tersebut adalah untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada semua kakitangan kesihatan mengenai kebaikan dan kepentingan penyusuan susu ibu kepada anak damit dan menuju kearah “Baby-Friendly Hospital Initiative”.

**SEKAPUR SIRIH****BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM**

Alhamdulillah, Utusan Jururawat telah dapat diungkayahkan dengan adanya kerjasama dari Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dan insyallah utusan jururawat ini akan diterbitkan pada setiap bulan.

Utusan Jururawat ini bertujuan untuk memaparkan kegiatan kegiatan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan disepanjang bulan sama ada aktiviti jabatan mahu pun kegiatan dari unit-unit dari semua hospital dan dari Jabatan Perkhidmatan Kemasyarakatan termasuklah seperti acara program pendidikan kejururawatan, keagamaan dan aktifiti sosial.

Ini secara langsung akan dapat meningkatkan lagi kefahaman yang lebih luas mengenai tugas dan fungsi Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan kepada semua peringkat kakitangan jabatan disamping memupuk semangat kerjasama dikalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kejururawatan.

Selain itu, Utusan Jururawat versi online juga dihasratkan untuk memberi kemudahan kepada orang ramai dalam dan luar negeri untuk mengikuti perkembangan dan aktiviti Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan. Peningkatan dalam kefahaman mengenai jabatan akan dapat mengangkat imej dan ketelusan jabatan dalam melaksanakan tugas sehari-hari.

Semua pegawai dan kakitangan adalah dialu-alukan untuk memberikan sumbangan berita dari bahagian masing-masing untuk dikongsikan bersama.

Hantarkan maklumat kepada :
Bahagian Perhubungan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan
Email: utusanJR@ymail.com

Jika awda menganjurkan atau mengetahui acara yang melibatkan jururawat & bidan, awda dialu-alukan untuk memaklumkan kepada kami untuk disiarkan di Utusan Jururawat:-

Acara / Tajuk Acara /

Penganjur / Kementerian / Jabatan

Tetamu Kehormat & Nama

Tarikh / Bila Acara Diadakan?

Waktu Jam Bermula / Berakhir

Tempat Acara diadakan atau akan diadakan

Keterangan / Keterangan Ringkas Acara terutama sekali jumlah jururawat & bidan yang ikut serta

Nama Awda untuk dihubungi / Telefon Bimbit, atau Pejabat

Sebarang pertanyaan lanjut dan makluman sila emailkan kepada utusanJR@ymail.com

PANDANG -PANDANG & DENGAR DENGAR

04.07.2011 - Sambutan Isra' Mi'raj bertempat di Dewan Sukan, Hospital RIPAS.

14.07.2011-Workshop on Drug Administration and incident report-bertempat di Bangunan lama U.P.L.K

19.07.2011-Ceramah mengenai “CIDEX”-di Bilik Kuliah Tingkat 2, Hospital R.I.P.A.S

29.07.2011-Nursing Potpurri bertempat di Dewan Cahncellor U.B.D

20.06.2011-Midwifery Refresher Course theory (Selama 10 Hari)